

Aturan baru Sukan hadiah bertanding: Ibu bapa pelajar SSP kurang senang

KLAUSA yang disemak dalam Buku Panduan Sukan mengenai pengagihan hadiah yang dimenangi pelajar Sekolah Sukan Singapura (SSP) telah membuat beberapa ibu bapa sekolah itu berasa tidak senang.

Pelajar-atlit yang memenangi hadiah – yang boleh merangkumi wang atau produk – sementara mewakili SSP kini perlu diberi kepada sekolah mulai tahun ini, menurut laporan akhbar *The Straits Times*.

Ini berbeza dengan klausa sebelumnya, yang mengatakan pelajar boleh menyimpan hadiah mereka asalkan hadiah itu “dengan jelas tidak dianugerahkan kepada SSP”.

Lebih 20 ibu bapa, yang anak mereka kebanyakannya dalam pasukan boling sekolah, telah menemui pegawai sekolah dua kali untuk meluahkan keprihatinan mereka.

Semasa di mesyuarat kedua baru-baru ini, pengerusi rangkaian sukarelawan ibu bapa sekolah, Stephen Lowe, memberitahu ibu bapa itu bahawa sekolah tidak akan membatalkan klausa itu.

Mesyuarat itu diadakan sebahagiannya disebabkan sekolah menyimpan hadiah wang sekitar AUD\$3,000 (\$3,265), yang dimenangi beberapa pelajar dalam pertandingan boling Australia bulan lalu.

Menurut *The Straits Times*, ada ibu bapa berkata ia bukan mengenai soal wang, namun soal prinsip.

Mereka mendakwa klausa itu telah disemak tanpa pengetahuan mereka.

Sebaliknya, pelajar diberitahu bahawa mereka dan ibu bapa perlu menandatangani satu Buku



KLAUSA DISEMAK: Segelintir ibu bapa rasa kurang senang dengan Sekolah Sukan Singapura yang menyemak klausa dalam Buku Panduan Sukan pelajar, di mana pelajar-atlit yang memenangi hadiah sementara mewakili SSP kini akan perlu memberinya kepada sekolah mulai tahun ini. – Foto fail

Panduan Sukan baru, yang termasuk klausa disemak itu dalam tatakelakuan sekolah.

Ibu bapa enggan mendedahkan nama demi melindungi anak mereka. Seorang daripadanya berkata:

“Kami membelanjakan sehingga \$20,000 setahun untuk menyokong minat anak kami. Dalam tahun yang baik, hadiah wang hanya sekitar beberapa ribu dolar.

“Ia tidak mengimbangi perbelanjaan begitu banyak. Namun, bagaimanakah mereka boleh memutuskan untuk mengubah klausa terikat tanpa sekurang-kurangnya memaklumkan kepada kami?”

Beliau menambah bahawa ibu bapa juga menanggung sebahagian besar kos yang dibelanjakan apabila anak mereka bertanding di luar negara.

Dalam satu kenyataan, SSP,

yang di bawah bidang kuasa Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY), mengesahkan semakan ke atas isu hadiah telah dibuat.

Kenyataan itu menambah: “Hadiah wang harus disalurkan kembali ke akademi sukan individu bagi mereka menggunakannya dalam program mereka, yang boleh merangkumi latihan dan pertandingan setempat dan luar negara, kegiatan pembangunan dan projek masyarakat.”

Namun, ibu bapa tidak yakin tentang bagaimana wang itu akan digunakan.

Mereka berkata apabila isu itu ditimbulkan dengan pengetua sekolah, Encik Tan Teck Hock, semasa satu mesyuarat bulan lalu, beliau memberitahu mereka bahawa wang tidak harus dijadikan sebagai motivasi buat pelajar-atlit.

Difahamkan mesyuarat ketiga dirancang diadakan minggu ini.